



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

ARAHAN PELAKSANAAN TATACARA TEMUDUGA KHAS BAGI PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN DI DALAM NEGERI PERAK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Arahan Tatacara Temuduga Khas dikeluarkan bagi menggantikan **Kursus Pra Perkahwinan Islam (KBRI)** yang tidak dapat dilaksanakan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jabatan Agama Islam Perak dengan ini menetapkan pelaksanaan **Arahan Tatacara Temuduga Khas** berkuatkuasa mulai **3 Jun 2020 (Rabu)**.

Adalah dimaklumkan, bahawa **Arahan Tatacara Temuduga Khas** dikeluarkan selaras dengan penambahan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. **Arahan Tatacara Temuduga Khas** hendaklah dipatuhi sebelum kebenaran berkahwin dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).

- 1) Tanggungjawab Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sebelum proses temuduga khas dijalankan :-
 - a) Pematuhan Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004;
 - b) Pemohon hendaklah **memohon kebenaran berkahwin secara *online*** di <http://www.sppim.gov.my/sppim/online/benarnikahonline>;
 - c) Pemohon hendaklah mengemukakan nombor rujukan Benar Nikah Online (BNO) dan tarikh majlis Akad Nikah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dicadangkan di dalam **Borang Permohonan Temuduga Khas** .
- 2) Tempoh masa pelaksanaan temuduga khas adalah mengikut budi bicara Pegawai Tadbir Agama Daerah dan tidak melebihi **tiga puluh minit (30 minit)**;
- 3) Pelaksanaan temuduga khas akan dilakukan di dalam sebuah bilik khas di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) berkenaan dan hendaklah mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa;

- 4) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menyediakan sebuah Bilik Khas bagi menjalankan sesi temuduga khas. Proses nyah kuman (*disinfection*) hendaklah dilakukan mengikut keperluan dari semasa ke semasa ;
- 5) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya yang menjalankan sesi temuduga khas hendaklah mengemukakan soalan berdasarkan kepada **Borang Penilaian Sesi Temuduga Khas** yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perak;
- 6) Sesi temuduga tersebut hanya boleh dihadiri oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya dan pemohon. Jumlah kehadiran bagi setiap sesi tidak boleh melebihi dua (2) orang sahaja;
- 7) Bilangan sesi temuduga khas akan ditentukan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) berkenaan;
- 8) Pegawai Tadbir Agama Daerah boleh mengikut budibicaranya mengeluarkan kebenaran berkahwin kepada pemohon setelah selesai sesi temuduga khas yang dijalankan tanpa perlu pemohon mengemukakan Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam;
- 9) Perkhidmatan sesi temuduga khas adalah secara **PERCUMA**, walaubagaimanapun bayaran sebanyak RM 5.00 (Ringgit Malaysia lima sahaja) hendaklah dibayar secara tunai oleh pemohon bagi tujuan pengeluaran Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam;
- 10) Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya hendaklah menyerahkan jumlah kutipan bayaran yang diterima dan senarai nama pemohon yang telah mengikuti sesi temuduga khas ke Pejabat Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perak bagi tujuan pengeluaran resit penerimaan bayaran dan Sijil Kursus Pra Perkahwinan Islam;
- 11) Urusan resit penerimaan bayaran dan pengeluaran sijil akan diuruskan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perak;
- 12) Sesi temuduga khas tersebut hendaklah **dibatalkan** oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah jika sekiranya Tatacara Temuduga Khas tidak dipatuhi atau arahan daripada Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Negeri Perak.

.....
(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

29 Mei 2020 / 6 Syawal 1441